

# Bangkit hadapi cabaran - Dr. M

25 MAR 1993

**K**UALA LUMPUR 24 Mac — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad

mahu umat Islam negara ini menyedari hakikat bahawa perjuangan untuk mencapai matlamat berkemampuan mempertahankan agama, bangsa dan tanahair masih jauh daripada yang dikehendaki walaupun kemajuan Malaysia telah diakui oleh dunia Islam.

Beliau berkata, muslimin dan muslimat negara ini perlu sentiasa ingat bahawa hanya dengan berusaha menjadikan diri dan negara maju barulah hasrat mereka untuk membantu umat Islam negara-negara lain yang sedang tertindas seperti di Bosnia-Herzegovina dapat dilaksanakan.

Tanggungjawab berat ini, kata Perdana Menteri, terletak di atas bahu umat Islam Malaysia dan mereka tidak boleh mengabaikan tugas membawa Islam kembali ke zaman kecemerlangannya kerana

na ia adalah satu bentuk ibadat yang dituntut oleh Allah.

Menurut Dr. Mahathir, umat Islam yang daif, miskin dan tidak berdaya bukan sahaja tidak akan dapat berbakti kepada saudara seagama, bahkan tidak dapat memelihara diri dan negara sendiri.

Perdana Menteri mengakui usaha dan ikhtiar kerajaan dan rakyat selama ini telah berjaya meletakkan negara, bangsa dan agama Islam ke tahap yang lebih dihormati dan kenyataan ini juga diiktiraf oleh negara-negara Islam yang lain.

Bagaimanapun, dalam usaha mengejar kemajuan, Dr. Mahathir menyarankan supaya umat Islam negara ini terus memberi perhatian yang seimbang kepada kejayaan di dunia tanpa sedikitpun membelakangkan kepentingan akhirat.

**LIHAT MUKA 2**

## Bangkit hadapi cabaran - Dr. M

"Mengabaikan kejayaan di dunia tetap akan menjejaskan kejayaan di akhirat. Sebab itu Islam menganggap kemiskinan sebagai ancaman kepada iman seseorang," kata beliau dalam perutusan Hari Raya Aidilfitri yang disiarkan menerusi Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) malam ini.

Menurut Perdana Menteri, umat Islam di Malaysia patut bersyukur kerana negara ini aman, stabil dan tidak menghadapi masalah-masalah besar yang sering dihadapi oleh orang-orang Islam yang tinggal di negara-negara Islam yang lain.

"Jika ada masyarakat Islam yang harus bersyukur di zaman kegentingan bagi umat Islam ini, kitalah (umat Islam Malaysia) yang harus bersyukur," kata beliau lagi.

Namun, Dr. Mahathir memberi amaran, walaupun kejayaan dunia boleh dicapai tetapi suatu perkara yang mesti disedari ialah kejayaan dunia yang keterlaluan boleh menyebabkan sebarang masyarakat bertindak membelakangkan agama.

Beliau menegaskan, di kalangan orang bukan Islam yang berjaya didapati mereka bukan sahaja hilang kepercayaan kepada agama tetapi lebih teruk lagi mereka juga kehilangan pegangan terhadap moral dan etika.

Antara kesan daripada keruntuhan kepercayaan kepada

agama ini, kata beliau, termasuk muncul dan merebaknya penyakit AIDS, kebebasan seks yang keterlaluan serta keruntuhan institusi perkahwinan dan keluarga.

Dr. Mahathir menambah, ibadat puasa yang dijalani sepanjang bulan Ramadan adalah satu bentuk persediaan ke arah menyediakan umat Islam yang mampu mempertahankan agama, bangsa dan negara pada masa depan.

"Dalam kita gembira merayakan kejayaan kita berpuasa selama 30 hari, hikmat berpuasa dan latihan yang kita terima dalam menjalani ibadat ini tidak harus dilupai.

"Mereka yang mempelajari tentang pengorbanan dan disiplin diri yang diperlukan oleh ibadat puasa akan menjadi manusia yang insaf, bersyukur dan bersedia menghadapi cabaran," katanya.

Beliau berkata, dalam suasana menyambut Hari Raya Aidilfitri, usaha-usaha perlu dibuat untuk menghidupkan dan mengekalkan nilai-nilai kekeluargaan yang dituntut oleh agama Islam dan budaya Melayu.

Amalan balik kampung, misalnya mempunyai pengajaran dan hikmah yang perlu disedari kerana ia dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan, kata Dr. Mahathir.